

Kosmo 28.9.20 (2)

Bina laluan khas elak penunggang motosikal jadi mangsa



PENUNGGANG motosikal perlu menggunakan laluan khas yang disediakan bagi mengelak menjadi mangsa kemalangan. - GAMBAR HIASAN

KUALA LUMPUR - Pembinaan laluan khas untuk motosikal khususnya di bandar-bandar utama dikatakan mampu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal di negara ini.

Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, laluan khas untuk motosikal itu penting memandangkan saban hari kadar kematian membabitkan golongan tersebut semakin meningkat.

Katanya, dalam konteks keselamatan, adalah lebih baik memisahkan motosikal dengan kenderaan lain yang lebih besar

bagi mengurangkan risiko kemalangan maut.

"Kita tahu sikap manusia itu sendiri merupakan punca utama kemalangan berlaku dalam negara tetapi bagi menangani isu kadar kematian membabitkan penunggang motosikal, kita perlu laluan khas.

"Bukan mudah nak bina laluan itu kerana ia akan menelan kos yang besar tetapi kerajaan boleh lakukan di kawasan tertentu ter- lebih dahulu khususnya bandar-bandar utama di mana jumlah kenderaan banyak," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Mengulas mengenai punca ke- malangan di jalan raya, Lam Thye

berkata, sikap manusia menyumb- bang kepada lebih 80 peratus kemalangan, namun tidak dina- fikan faktor-faktor lain seperti jalan dan persekitaran serta ken- deraan juga memainkan peranan.

"Sikap manusia yang dimak- sudkan iaitu memandu mele- bihi had laju, melanggar lampu isyarat dan kecuai penung- gang motosikal suka mengubah lorong.

"Selain itu, pihak berkuasa tempatan juga harus memainkan peranan memastikan keadaan jalan raya khususnya di kawasan projek pembinaan diselenggara dengan baik bagi mengelakkan kemalangan berlaku," ujarnya.